



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

...

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PPP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 7 Ogos 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## **Harga pasaran ayam stabil**

**Kuala Lumpur:** Harga pasaran ayam dilaporkan stabil sejak subsidi terhadap produk itu ditamatkan berkuat kuasa 1 November lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, sebelum penamatan subsidi, pasaran ayam berdepan masalah kawalan harga walaupun kerajaan menetapkan harga kawalan dan memberikan subsidi.

Justeru katanya, kementerian melaksanakan strategi membanteras kartel makanan ayam, yang mana 70 peratus kos pengeluaran ayam adalah daripada makanan ayam.

“Apabila kita banteras, maka kita dapat kawal kos pengeluaran ayam. Dari 1 November 2023, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil data berkenaan harga ayam dan sampai hari ini, setiap hari untuk pastikan ia benar-benar berkesan.

“Kita tarik subsidi, tapi kita kawal bekalan dan kita teliti sepanjang rantai serta periksa harga ayam itu setiap hari. Kita dapat

lihat harga ayam stabil dan ada yang rendah lagi.

“Begitu juga apabila subsidi telur ditarik (pada 1 Ogos lalu). Kita tengok, bekalan dan harga telur tiada masalah,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Dr Mohammed Taufiq Johari (PH-Sungai Petani) berhubung mekanisme pelaporan dan pemantauan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi memastikan langkah intervensi kos sara hidup memberi impak kepada pengguna serta indikator pencapaian keberkesanannya.

Sementara menjawab soalan asal Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (PN-Bukit Gantang) mengenai tindakan kerajaan menerusi NACCOL dalam usaha menurunkan kos sara hidup rakyat selepas tiga Mesyuarat NACCOL dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif NACCOL pada tahun ini, Fuziah berkata, beberapa keputusan penting dibuat pada mesyuarat berkenaan.

Dari aspek makanan dan



**“Apabila kita banteras, maka kita dapat kawal kos pengeluaran ayam”**

**Dr Fuziah**

minuman, peruntukan bagi program Jualan Rahmah ditingkatkan dari RM300 juta kepada RM600 juta bagi tahun ini, selain pelaksanaan Jualan Agro Madani di pelbagai lokasi strategik dengan peruntukan tambahan RM25 juta bagi pelanjutan Program Jualan Agro Madani (JAM) 2025.

Dari aspek kesihatan, Fuziah memaklumkan, beberapa langkah pemerkaan pengguna diputuskan dan mula dilaksanakan, termasuk preskripsi ubat diwajibkan bagi setiap pertemuan dengan doktor, yang memberi hak kepada pesakit untuk membuat pilihan, sama ada membeli ubat di klinik atau di farmasi lain.

## Tamat subsidi, harga tetap stabil

**KUALA LUMPUR** — Harga pasaran ayam dilaporkan stabil sejak penamatkan subsidi yang berkuat kuasa pada 1 November 2023.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr. Fuziah Salleh berkata, sebelum penamatkan subsidi, pasaran ayam berdepan masalah kawalan harga meskipun kerajaan telah menetapkan harga kawalan dan bersubsidi.

"Antara strategi yang kita lakukan adalah pemberantasan terhadap kartel makanan ayam kerana 70 peratus kos pengeluaran ayam adalah makanan ayam. Jadi, kita kawal kos pengeluaran ayam.

"Pada 1 November 2023, Kementerian Perdagangan Dalam



Negeri dan Kos Sara Hidup mula ambil data harga ayam setiap hari untuk pastikan benar-benar berkesan. Tiada subsidi, tapi kita kawal sepanjang rantaian dan periksa harga ayam, sehingga hari ini, harga ayam stabil dan ada yang lebih rendah," katanya pada sesi soal jawab lisian di Dewan Rakyat semalam.


Beliau menjawab soalan Dr. Mohammed Taufiq Johari (**PH-Sungai Petani**) berhubung mekanisme pelaporan dan peman-

tauan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi memastikan langkah intervensi kos sara hidup memberi impak kepada pengguna serta indikator pencapaian keberkesanannya.

Ujar Fuziah, NACCOL telah bermesyuarat sebanyak dua kali tahun ini, dan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif NACCOL yang turut bersidang sekali.

"Kerajaan melalui NACCOL juga telah memulakan usaha membangunkan Indikator Kos Sara Hidup dan Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar.

"Tahun ini, usaha advokasi berkaitan perbelanjaan asas tersebut telah pun dimulakan sebagai rujukan dasar dan tindakan kerajaan," katanya.



**HARGA** ayam di pasaran dilaporkan stabil sejak kerajaan menamatkan subsidi berkuat kuasa pada 1 November 2023. — GAMBAR HIASAN

# Harga ayam stabil sejak subsidi ditamatkan

Antara strategi kerajaan ialah membanteras kartel makanan ayam, kawal kos pengeluaran: Fuziah

KUALA LUMPUR: Harga pasaran ayam dilaporkan stabil sejak penamatan subsidi yang berkuat kuasa pada 1 Nov 2023, demikian Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Dr Fuziah Salleh berkata sebelum penamatan subsidi, pasaran ayam berdepan masalah kawalan harga meskipun kerajaan telah menetapkan harga kawalan dan bersubsidi.

"Antara strategi yang kita lakukan adalah membanteras terhadap kartel makanan ayam kerana 70 peratus kos pengeluaran ayam adalah makanan ayam. Jadi, kita kawal kos pengeluaran ayam.

"Pada 1 Nov 2023, KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) mula ambil data harga ayam setiap hari untuk pastikan benar-benar berkesan. Tiada subsidi, tapi kita kawal sepanjang rantaian dan periksa harga ayam... sehingga hari ini, harga ayam stabil dan ada yang lebih rendah," katanya pada sesi soaljawab di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan Dr Mohammed Taufiq Johari (PH-Sungai Petani) berhubung mekanisme pelaporan dan pemantauan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup

**“**Pada 1 Nov 2023, KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup) mula ambil data harga ayam setiap hari untuk pastikan benar-benar berkesan. Tiada subsidi, tapi kita kawal sepanjang rantaian dan periksa harga ayam... sehingga hari ini, harga ayam stabil dan ada yang lebih rendah.**”**

Datuk Dr Fuziah Salleh  
Mentri Besar Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

Negara (NACCOL) bagi memastikan langkah intervensi kos sara hidup memberi impak kepada pengguna serta indikator pencapaian keberkesanannya.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata situasi sama turut direkodkan bagi pasaran telur ayam susulan subsidi bahan keperluan itu ditamatkan bermula 1 Ogos lepas.

"Telur (ayam) juga tiada masalah bekalan, tiada isu dengan harga. KPDN ada punca kuasa untuk meneliti sepanjang rantaian iaitu harga di setiap peringkat, misalnya kos pengeluaran, bahan asas, kos pengedaran dan hingga peruncitan."

"Kita pastikan bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan digunakan dengan akta-akta lain, Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Persaingan 2010 dan sebagainya untuk memastikan kita dapat mengawal bekalan dan harga," katanya.

## Chicken prices stable after subsidy removal

CHICKEN prices have remained stable since the removal of subsidies on Nov 1, 2023, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Dr Fuziah Salleh said that prior to the subsidy removal, the market faced issues with price control despite the government having set a subsidised price cap.

"One of the strategies we implemented was to clamp down on chicken feed cartels, as chicken feed accounts for 70 per cent of production costs. So, we focused on controlling production costs.

"Since Nov 1, 2023, the ministry has been collecting daily chicken price data to ensure the approach is truly effective. Although there are no longer any subsidies, we regulate the supply chain and monitor chicken prices and to date, prices have stabilised and in some cases are even lower," she said,

Fuziah was replying to a question from Mohammed Taufiq Johari (PH-Sungai Petani).

Commenting further, Fuziah said a similar

situation was also recorded for the egg market following the termination of egg subsidies effective Aug 1.

"There are no issues with egg supply or pricing. The Domestic Trade and Cost of Living Ministry has the legal authority to scrutinise the entire supply chain, including prices at each level, such as production costs, raw materials, distribution, and retail.

"We ensure that the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 is applied in tandem with other legislation such as the Control of Supplies Act 1961, the Competition Act 2010, and so on, to ensure we can manage both supply and pricing," she said.

Meanwhile, she said that following three National Action Council on Cost of Living (NACCOL) meetings held this year, several cost-of-living intervention measures had been implemented, including in the health sector, where it is now mandatory for all types of medicines sold or dispensed at community pharmacies and private healthcare facilities to carry price labels starting Aug 1. — Bernama

## 傅芝雅：問診者有權他處買藥 私人診所須開出處方

(吉隆坡6日讯) 国内贸易及生活费部副部长傅芝雅说，国内所有私人医疗诊所须强制为前来问诊的民众，开出医生的处方，并提供详细项目的收费账单。

她说，私人诊所也必须让民众知道，他们可以选择到其他药房买药，並不强制当事人在问诊的诊所买药。

### 须列明问诊费用

她今日在下议院回答武吉当区国会议员拿督赛阿布胡申提问时说，强制诊所及药房为药品标价及陈列价格表，已于8月1日起开始实施，因此，诊所方面必须为民众提供详细项

目的账单，包括须列明问诊费用。

她表示，这是国家生活费行动理事会的决定。

她说，该理事会共召开了3次会议，就医疗领域的会议上作出多项议决，包括民众每次问诊后，都必须获医生开出的处方。

“意味着就诊并获得处方，能使当事人明确知晓无需强制在该诊所买药，反之可选择在任何药房买药。”

她说，8月1日起已全面强制私人诊所及社区药房公开展示药品零售价的举措，也是这是国家生活费行动理事会所做的重要议决。



面对国会议员时说，其及刑事犯  
罪。

她表  
反人口  
(ATIPST)  
交通法令

E

## 傅芝雅：確保供應售價穩定 每日監控肉雞雞蛋價

(吉隆坡6日讯) 在废除了肉鸡和鸡蛋补贴后，国内贸易及生活费部每日监控肉鸡与鸡蛋价格，确保这些物品的市场供应与售价皆稳定；该监控价格工作，直至今天依然如此。

国内贸易及生活费部副部长傅芝雅说，自2023年11月1日起政府撤销肉鸡补贴后，该部已开始透过全国每日数据来收集价格资料，以有效监控其售价。

她在国会下议院回答公正党双溪大年区议员莫哈末道

菲附加提问时说，在这之前，该部对肉鸡设有每公斤9令吉40仙的顶价管制，也提供了补贴，但仍难以控制肉鸡价格，导致商贩甚至向顾客收取切鸡块的费用。

她强调，作为应对策略，该部决定打击鸡只饲料供应的垄断联盟“卡特尔集团”，因肉鸡的生产成本，70%是来自饲料。

“当我们打击饲料卡特尔后，就能控制肉鸡生产成本，自2023年11月1日起，部门便每日收集肉鸡价格数据，直到

今天仍持续进行。”

她指出，这项策略让肉鸡价格即便在取消补贴后，仍保持稳定，甚至有些价格比以往更低。

她说，同样地，当鸡蛋补贴被取消后，该部观察到鸡蛋供应没问题，价格方面也没有出现问题或大波动。

她表示，该部对供应链各个层面进行价格监控，包括生产成本、基本原料、分销成本，直到零售层面。

她说，该部也确保2011年价格控制及反暴利法令，及其他法令如1961年供应管制法令、竞争法令等一并援引使用，确保市场上的供应与价格，维持在受控状态。

## 取消補貼雞蛋 肉雞價格穩定



■ 傅芝雅

(吉隆坡6日讯) 国内贸易及生活成本部副部长傅芝雅说，虽然政府已取消肉鸡和鸡蛋补贴，但根据观察，这两样物品的市场供应与售价仍稳定。

她说，自2023年11月1日起政府撤销肉鸡补贴后，该部已开始收集全国每日数据，以有效监控肉鸡供应与售价。

“在这之前，我们将肉鸡顶价设在每公斤9令吉40仙进行管制，并提供了补贴，但仍难以控制肉鸡价格，导致商贩甚至向顾客收取斩鸡费用。

“鸡蛋补贴今年8月1日被取消后，我们也观察到鸡蛋供应稳定，价格方面也没有出现问题或大波动。”

傅芝雅今日在国会下议院问答环节，如是回答公正党双溪大年国会议员道菲佐哈里的提问。

她说，该部对供应链各层面进行价格监控，包括生产成本、基本原料、分销成本，直到零售层面。



KAMALLUDIN (dua dari kiri) menunjukkan penyalahgunaan tong LPG bersubsidi membabitkan aktiviti pemindahan gas secara haram dalam satu serbuan di Kawasan Perindustrian Bemban, Batu Gajah. - Gambar NSTP/L MANIMARAN

Bernama **KPDN BONGKAR KEGIATAN PINDAH GAS PETROLEUM CECAIR**

**Batu Gajah**

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Perak membongkar kegiatan penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) dalam serbuan di sebuah stor penyimpanan haram di Kawasan Perindustrian Bemban di sini, semalam.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, dalam serbuan kira-kira jam 6.30 petang yang dilakukan hasil intipan dan pemantauan selama seminggu, pihaknya menyata 1,899 ton LPG berkapasiti 14 kilogram (kg).

"Pemilik premis iaitu lelaki tempatan berusia 53 tahun dan lima lelaki warga Myanmar berusia antara 25 hingga 45 tahun yang juga pekerja di premis terbabit turut ditahan untuk siasatan," katanya selepas menjalani operasi di lokasi terbabit di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya percaya semua tong LPG itu digunakan dalam aktiviti *decanting* iaitu memindahkan LPG daripada tong berkapasiti 14kg bersubsidi ke tangki kosong.

**Turut disita ialah  
18,194kg gas  
petroleum cecair  
di dalam tangki**  
Kamalludin  
Ismail



SERBUAN membawa kepada penemuan 1,899 tong LPG yang digunakan bagi tujuan *decanting* iaitu proses memindahkan gas daripada tong 14kg bersubsidi ke tangki lain.

871 tong didapati berisi LPG manakala 1,028 tong lagi adalah kosong.

"Turut disita ialah 18,194kg gas petroleum cecair dalam tangki, dengan nilai situan keseluruhan berjumlah

RM66,508," katanya.

Kamalludin berkata, hasil siasatan mendapat modus operandi pihak terbabit ialah membeli gas bersubsidi 14kg di sekitar negeri ini dan negeri lain, seterusnya melakukan aktiviti pemindahan gas ke tangki lain untuk dihantar kepada pihak industri bagi keperluan komersial.

Berdasarkan harga se-

masa, LPG bersubsidi bagi tong 14kg dijual pada RM1.90 sekilogram, namun harga siling pasaran bagi LPG ialah RM5 sekilogram.

"Perbezaan harga ini membuka ruang kepada sindiket mengambil untung dengan menjual gas bersubsidi kepada pihak industri pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran," katanya.

Beliau berkata, premis itu yang beroperasi sejak sebulan lalu didapati tidak mempunyai dokumen sah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk menjalankan urus niaga berkaitan barang kawalan.



ANTARA warga asing yang ditahan ketika operasi KPDN Perak di Kawasan Perindustrian Bemban, Batu Gajah.



Kamalludin menunjukkan tong gas LPG bersubsidi yang dirampas dalam serbuan di Kawasan Perindustrian Bemban, Batu Gajah. (Foto L. Manimaran/BH)

Modus operandi pihak terbabit ialah membeli gas bersubsidi 14 kg di sekitar negeri ini dan negeri lain, seterusnya melakukan aktiviti pemindahan gas ke tangki lain

*Kamalludin Ismail,  
Pengarah KPDN Perak*

# Kegiatan seleleweng gas LPG terbongkar

**KPDN Perak tumpaskan aktiviti licik sindiket kaut untung mudah**

**Batu Gajah:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saru Hidup (KPDN) Perak membongkar kegiatan penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) dalam serbuan di sebuah stor penyimpanan harau di Kawasan Perindustrian Bemban, di sini kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail, berkata dalam serbuan kira-kira jam 6.30 petang yang dilakukan hasil intipan dan pemantauan selama seminggu, pihaknya menyita 1,899 tong LPG berkapasiti 14 kilogram (kg).

"Penilik premis iaitu lelaki tempatan berusia 53 tahun dan lima lelaki warga Myanmar berusia antara 25 hingga 45 tahun yang juga pekerja di premis terbabit turut ditahan untuk siasatan," katanya kepada pemberita selepas melintau operasi di lokasi terbabit, di sini semalam.

Kamalludin berkata, pihaknya percaya kesemuanya tong LPG itu digunakan dalam aktiviti *decanting* iaitu memindahkan LPG daripada tong

berkapasiti 14kg bersubsidi ke tangki.

Beliau berkata, daripada 1,899 tong LPG itu, 871 tong didapati berisi LPG, manakala 1,028 tong lagi adalah kosong.

"Turut disita ialah 18,194kg gas petroleum cecair di dalam tangki, dengan nilai sitaan keseluruhannya berjumlah RM66,508," katanya.

**Premis tiada lesen operasi**  
Kamalludin berkata, siasatan mendapati modus operandi pihak terbabit ialah membeli gas bersubsidi 14kg di sekitar negeri ini dan negeri lain, seterusnya melakukan aktiviti pemindahan gas ke tangki lain yang dimiliki oleh pihak industri bagi keperluan komersial.

"Berdasarkan harga semasa, LPG bersubsidi bagi tong 14kg dijual pada RM1.90 sekilogram, namun harga siling pasaran bagi LPG ialah RM5 sekilogram.

"Perbezaan harga ini membuka ruang kepada sindiket mengambil untung dengan menjual gas bersubsidi kepada pihak industri pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran," katanya.

Beliau berkata, premis itu yang beroperasi sejak sebulan lalu didapati tidak mempunyai dokumen sab di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk menjalankan urus niaga berkaitan barang kawalan.

BERNAMA

# Stor haram seleleweng LPG diserbu

**BATU GAJAH:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak memuparkan penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi dalam Op Gasak di sebuah stor di Kawasan Perindustrian Bemban, di sini semalam.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, dalam serbuan pada pukul 6.30 petang itu, sebanyak 1,899 tong LPG 14 kilogram (kg) ditemukan dalam premis berkenaan yang beroperasi secara haram.

Katanya, hasil siasatan mendapati, stor yang beroperasi sejak sebulan lalu, menjalankan aktiviti ‘decanting’ iaitu memindahkan gas LPG daripada tong berkapasiti 14kg ke dalam tangki.

“Hasil pemeriksaan lanjut mendapati premis itu tidak mempunyai dokumen yang sah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk menjalankan urus niaga berkaitan barang kawalan.

“Sehubungan itu, tindakan diambil dengan menyita sejumlah 1,899 tong LPG di mana sebanyak 871 tong berisi LPG 14kg manakala 1,028 pula tong kosong. Dianggarkan sebanyak 18,194kg LPG disita dengan nilai sitaan berjumlah RM66,508.60,” katanya dalam sidang akhbar di lokasi serbuan semalam.

Tambah Kamalludin, pemilik premis, seorang lelaki tempatan berusia 53 tahun dan lima pekerja lelaki warga Myanmar berusia 25 hingga 45 tahun, di-

tahan untuk siasatan lanjut.

Beliau berkata, siasatan mendapati modus operandi sindiket itu ialah membeli gas LPG bersubsidi 14kg daripada pemborong dari dalam dan luar Perak sebelum barang kawalan itu dihantar ke stor haram berkenaan untuk ‘decanting’.

“Gas daripada tong 14kg ini akan dipindahkan ke dalam tangki di stor sebelum ia dipindahkan ke dalam tangki lori untuk dijual kepada pihak industri bagi tujuan komersil.

“Berdasarkan harga semasa, LPG bersubsidi bagi tong 14kg dijual pada kadar RM1.90 sekilogram, namun, harga siling pasaran bagi LPG ialah RM5 sekilogram.” katanya.

## Padah seleweng gas LPG bersubsidi

**BATU GAJAH** – Kegiatan licik seorang lelaki mengupah lima pekerja warga Myanmar untuk menyeleweng gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi sejak sebulan lalu terbongkar apabila diserbu di sebuah stor haram di Kawasan Perindustrian Bemban di sini kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, kesemua suspek berusia antara 25 hingga 45 tahun itu diberkas pada pukul 6.30 petang.

Katanya, serbuan itu dapat merampas hampir 3,000 tong LPG bernilai RM66,508.

"Mereka terlibat dengan aktiviti 'decanting' iaitu memindahkan gas LPG daripada tong

berkapasiti 14 kilogram (kg) ke dalam tangki.

"Modus operandi mereka ialah membeli LPG 14 kg daripada pemborong sebelum dihantar ke stor haram itu. Gas itu kemudian dipindahkan ke dalam tangki sebelum dimasukkan ke dalam tangki lori dan dijual," katanya.

Menurut Kamalludin, LPG bersubsidi bagi tong 14 kg dijual RM1.90 sekilogram, namun harga silingnya ialah RM5 dan ia membuka ruang kepada sindiket mengambil untung dengan menjualnya pada harga lebih rendah.

Tambahnya, KPDN Perak sedang mengenal pasti pihak lain yang terlibat bagi membantu siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



KAMALLUDIN (kanan) menyolat pekerja stor yang diberkas dalam serbuan di Taman Perindustrian Bemban, Batu Gajah semalam.

# Sindiket seleweng gas LPG tumpas

KPDN Perak sita 1,899 tong gas subsidi

Oleh NORMAWATI ADNAN  
**BATU GAJAH**

Taktik licik satu sindiket menyalahgunakan tong gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi dengan menjalankan aktiviti pemindahan gas secara haram terbongkar dalam serbuan di Kawasan Perindustrian Bemban di sini pada Selasa.

Serbuan menerusi Op Gasak sekitar jam 6.30 petang itu membawa kepada penemuan sebanyak 1,899 tong LPG yang digunakan bagi tujuan *decanting* iaitu proses memindahkan gas daripada tong 14 kilogram (kg) bersubsidi ke tangki lain.

Pengarah Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, premis yang beroperasi sejak sebulan lalu itu tidak memiliki sebarang dokumen yang sah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk menjalankan sebarang urus niaga berkaitan barang kawalan.

Menurutnya, sindiket tersebut dipercuryai membeli tong gas subsidi 14kg daripada pemborong di sekitar Perak dan luar negeri sebelum memindahkan kandungan gas tersebut ke dalam tangki lain untuk dijual kepada pelanggan industri bagi tujuan komersial.

"Harga subsidi bagi LPG adalah sekitar RM1.90 se-kilogram berbanding harga siling pasaran iaitu RM5 sekilogram.

"Sindiket ini meraih untung dengan menjual gas itu kepada pihak industri pada kadar sedikit lebih murah daripada harga



Kamalludin (kanan) menunjukkan 1,899 tong LPG termasuk 871 tong berisi dan 1,028 tong kosong bernilai lebih RM66,500 yang disita.

pasaran tetapi jauh melebihi harga subsidi," katanya selepas meninjau lokasi serbuan di sini pada Rabu.

Beliau berkata, tindakan sitaan dilakukan ke atas sebanyak

lelaki tempatan berusia 53 tahun yang dipercaya pemilik premis serta lima lelaki warga Myanmar berusia antara 25 hingga 45 tahun yang bertugas sebagai pekerja, turut ditahan dalam operasi tersebut.

"Kesemua mereka ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Jika sabit kesalahan, individu boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya, manakala syarikat boleh didenda hingga RM2 juta," katanya.

Beliau berkata, operasi kali ini juga merupakan antara yang terbesar pernah dijalankan melibatkan penyelewengan barang kawalan bersubsidi khususnya LPG di Perak.

"Sebelum ini, jumlah sitaan tertinggi melibatkan sekitar 463 tong gas, tetapi kali ini kita berjaya merampas hampir lima kali ganda jumlah tersebut," katanya.

Kamalludin berkata, seorang

# More than 1,000 gas cylinders seized in raid

**BATU GAJAH:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry seized 1,899 14kg liquefied petroleum gas (LPG) cylinders at an illegal storage facility in the Bemban Industrial Estate on Tuesday.

Perak enforcement director Datuk Kamalludin Ismail said the raid was conducted at 6.30pm following intelligence information and a week-long monitoring of activities at the premises.

He said the enforcement team discovered 1,899 LPG cylinders believed to be used in illegal decanting activities, in which gas from subsidised 14kg cylinders is transferred into other tanks.

"A total of 1,899 LPG cylinders were found, comprising 871 filled cylinders and 1,028 empty ones. More than 18,000kg of LPG was seized, with an estimated value of RM66,508," he told reporters during an inspection at the site.

Kamalludin said investigations revealed that the *modus operandi* of the activities involved purchasing subsidised 14kg LPG cylinders from across Perak and other states, then transferring the gas into other tanks for distribution to industrial users for commercial purposes. – Bernama

## Transferring subsidised LPG to commercial cylinders

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is intensifying enforcement against the misappropriation of subsidised liquefied petroleum gas (LPG) through "decanting", which has been identified as one of the main causes of subsidy leakage, says Datuk Fuziah Salleh.

The Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister said the ministry is taking the issue seriously and enforcement under the Ops Gasak initiative is being ramped up to prevent irresponsible parties from exploiting government subsidies.

(Decanting is the process of illegally transferring LPG from subsidised cylinders to commercial cylinders.)

Fuziah said the focus of Ops Gasak on decanting follows the discovery of several cases involving individuals or entities posing as legitimate businesses or wholesalers but who divert subsidised LPG to industrial use.

"We found that the syndicate transfers subsidised LPG from 14kg cylinders, which cost RM26.60 each, into non-subsidised cylinders of the same size, which are sold at RM70 per unit."

"This significant price difference highlights the substantial profits that can be gained through such illegal practices, making it a major form of subsidy leakage that the authorities are tackling on a large scale," she said in an exclusive interview with Bernama recently.

She cited a recent case in Johor where the

ministry uncovered decanting activities that were carried out under the guise of legitimate LPG wholesale operations.

"The individuals involved have been arrested and found to have committed offences under the Supply Control Act 1961. Strict enforcement action has been taken," she said.

Fuziah added that Ops Gasak is currently being implemented nationwide, except in Sarawak, where LPG enforcement falls under the state's ordinance and jurisdiction.

She explained that Ops Gasak also aims to ensure that subsidised LPG is used solely by eligible households and micro-entrepreneurs, in line with the government's targeted subsidy policy.

"In terms of the law, there is no defect, but there was misuse by the wholesaler who supplied subsidised LPG to unqualified parties such as industries."

"So in this case, it is highly likely that the wholesaler who committed the offence will have to be held responsible."

"We have sufficient regulations to protect this subsidy, but there are still parties who abuse it," she said.

Prior to this, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali announced that Ops Gasak would run from May 1 to Oct 31.

The initiative is part of the broader Kita Gempur movement, launched on Oct 19, to combat the manipulation and leakage of subsidised goods. — The Star



KPDN seized 1,899 cylinders of 14kg LPG at an internal storage at Batu Gajah yesterday following intelligence information.



## More than 1,000 gas cylinders seized in raid

**BATU GAJAH:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry seized 1,899 14kg liquefied petroleum gas (LPG) cylinders at an illegal storage facility in the Bemban Industrial Estate on Tuesday.

Perak enforcement director Datuk Kamalludin Ismail said the raid was conducted at 6.30pm following intelligence information and a week-long monitoring of activities at the premises.

He said the enforcement team discovered 1,899 LPG cylinders believed to be used in illegal decanting activities, in which gas from subsidised 14kg cylinders is transferred into other tanks.

"A total of 1,899 LPG cylinders were found, comprising 871 filled cylinders and 1,028 empty ones. More than 18,000kg of LPG was seized, with an estimated value of RM66,508," he told reporters during an inspection at the site.

Kamalludin said investigations revealed that the *modus operandi* of the activities involved purchasing subsidised 14kg LPG cylinders from across Perak and other states, then transferring the gas into other tanks for distribution to industrial users for commercial purposes. – Bernama



WAN MOHD. SHARIN (depan, lima dari kanan) dan Mohd. Yusof (depan, empat dari kanan) meninjau program Jualan Rahmah Madani Kampus di Politeknik Muadzam Shah, Rompin semalam.

## Jualan Rahmah buat pelajar politeknik

- Pelajar dalam kalangan keluarga B40 lega dapat beli keperluan pelajaran
- Mereka mahu jualan seperti itu lebih kerap diadakan

Oleh ABDUL RASHID  
ABDUL RAHMAN

**ROMPIN** — Dengan hanya dibekalkan duit poket RM200 hingga RM250 sebulan rata-rata pelajar Politeknik Muadzam Shah terpaksa berjimat cermat dalam mengatur perbelanjaan harian mereka.

Ketika harga barang yang meningkat, bukan alasan bagi Muhammad Afiq Farhan Kamaruzaman, 20, untuk berusaha menamatkan pengajian sebaiknya dengan cemerlang.

Dia berkata, dia sentiasa berjimat cermat dalam mengatur perbelanjaan seperti untuk makan minum dan pembelian alat tulis serta keperluan harian.

Katanya, pelaksanaan Jualan Rahmah Madani Kampus buat julung kali di kampus berkenaan sejak semalam memberikan kelegaan kepadanya yang dapat menjimatkan perbelanjaan.

Jelasnya, dia bersama pelajar-pelajar lain tidak melepaskan peluang membeli barang terutama alat tulis yang dijual sehingga 30 peratus lebih murah.

"Kami semua di sini tinggal di asrama dan selalu beli barang keperluan di koperasi dan hari ini (semalam) saya membeli alat tulis yang diperlukan selain barang keperluan lain.

"Sepatuunya program jualan murah seperti ini diadakan lebih kerap di dalam kampus mungkin sebulan sekali kerana hakikatnya kami sebagai pelajar begitu me-

merlukan penjimatan begini," katanya yang merupakan anak kepada seorang pemandu lori yang berasal dari Selangor.

Seorang lagi pelajar, Syed Haziq Syed Khairul Nizam, 20, berkata, pelaksanaan program seperti itu dapat kurangkan beban kewangan kepada dirinya serta rakan-rakan yang lain.

Katanya, pihak kerajaan sepatutnya menumpukan program tersebut di kampus seperti Politeknik Muadzam Shah kerana ia sudah pasti sampai ke golongan sasaran.

Dalam pada itu Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Rompin, Wan Mohd. Sharim Wan Mohamed berkata, Program Jualan Rahmah Madani Kampus yang julung kali diadakan di Politeknik Muadzam Shah itu diadakan selama lima hari dengan diskaun sebanyak lebih 30 peratus pelbagai barang.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**



HARI: KHAMIS  
TARIKH: 7/8/2025  
M/SURAT: 14

## Wanita warga asing ditahan tipu jualan minyak masak bersubsidi

LAHAD DATU: Taktik licik seorang wanita warga asing yang menawarkan jualan minyak masak bersubsidi dalam kuantiti besar pada harga rendah akhirnya terbongkar apabila dia ditahan polis semalam.

Suspek dipercayai menipu beberapa individu dengan mengambil bayaran penuh tetapi gagal membekalkan minyak masak seperti yang dijanjikan.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dzulbaharin Ismail berkata, tangkapan dilakukan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu selepas menerima laporan daripada mangsa yang terpedaya dengan tawaran itu.

"Hasil siasatan awal mendapati suspek menjalankan aktiviti menjual minyak masak bersubsidi tanpa memiliki lesen runcit Barang Kawalan Berjadual daripada Ke-



**MENIPU ...** Suspek wanita warga asing yang ditahan polis kerana disyaki menipu jualan minyak masak bersubsidi.

menterian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)," katanya dalam kenyataan kelmarin.

Menurut beliau, modulus operandi suspek adalah dengan menawarkan jualan minyak masak dalam jumlah besar kepada orang awam pada harga menarik dan lebih murah berbanding pasaran.

"Namun selepas bahan dibuat, suspek bertindak menghilangkan diri tanpa menghantar bekalan seperti yang dijanjikan.

"Lebih mengejutkan, wang hasil penipuan itu tidak digunakan untuk membeli minyak masak, sebaliknya dilaporkan digunakan untuk melangsir hutang peribadi suspek," jelasnya.

Dzulbaharin berkata, suspek kini ditahan untuk membantu siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana melakukan penipuan.

Beliau turut menegaskan bahawa polis memandang serius kes penipuan membabitkan barang kawalan kerana ia berkait rapat dengan keperluan asas rakyat dan melibatkan penyalahgunaan barang bersubsidi untuk kepentingan peribadi.

"Orang ramai dinasihatkan supaya lebih berwaspada terhadap sebarang tawaran luar biasa, terutamanya melibatkan barang kawalan yang dijual tanpa lesen sah atau melalui platform dalam talian yang meragukan," tambahnya.

## Wanita ditahan tipu jualan minyak masak bersubsidi

Oleh Hamzah Sanudin

**LAHAD DATU:** Taktik licik seorang wanita warga asing yang menawarkan jualan minyak masak bersubsidi dalam kuantiti besar pada harga menarik terbongkar apabila dia ditahan polis, semalam.

Suspek dipercayai menipu orang awam dengan mengambil bayaran penuh tetapi gagal menuaikan janji untuk membekalkan minyak masak seperti dijanjikan.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dzulbaharin Ismail berkata, tangkapan dilakukan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu selepas menerima laporan daripada mangsa yang tertipu dengan tawaran itu.

“Hasil siasatan awal mendapati suspek mengambil kesempatan dengan menjual minyak masak bersubsidi tanpa memiliki sebarang lesen runcit Barang Kawalan Berjadual daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN),” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Menurutnya, modus operandi suspek ialah menawarkan jualan minyak masak dalam jumlah besar kepada orang awam pada harga lebih rendah.

“Namun selepas menerima bayaran, suspek menghilangkan diri tanpa menghantar bekalan seperti dijanjikan.

“Lebih mengejutkan, wang hasil penipuan itu tidak digunakan untuk tujuan jual beli minyak masak, sebaliknya digunakan bagi melangsang hutang peribadi suspek,” katanya.

Dzulbaharin berkata, suspek kini ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Kesejahteraan kerana menipu.

Beliau menegaskan pihak polis memandang serius kes penipuan yang membabitkan barang kawalan kerana ia menyentuh keperluan asas rakyat dan melibatkan penyalahgunaan barang bersubsidi untuk tujuan peribadi.

“Orang ramai dinasihatkan supaya lebih berhati-hati dengan sebarang tawaran luar biasa, khususnya berkaitan barang kawalan yang dijual tanpa lesen sah dan melalui dalam talian,” katanya.

## Govt mulls new law to tackle online drug sales

KAJANG: The government is studying the need to amend existing laws or introduce new legislation to address the increasingly worrying trend of drug sales conducted online, said Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

He said the issue was discussed during the Cabinet Committee Meeting on Combating Drug Abuse, chaired by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, in June.

“During the meeting, we talked about the urgent need to examine this matter, including the possibility of amending existing laws or drafting a new law specifically to address the phenomenon of small-scale drug sales or transactions conducted via online marketing platforms,” he said.

He was speaking at a press conference after closing the i-DEEN Programme by the National Anti-Drugs Agency (AADK) here.

Saifuddin Nasution said the move is necessary as the online drug trade trend is on the rise and poses a serious threat, as drug supplies are easily accessible and transactions are conducted discreetly.

Saifuddin Nasution explained that the issue requires careful study because it involves multiple regulatory agencies.

He cited the example that drugs fall under the jurisdiction of the Home Ministry, but if the sales occur via online platforms, they fall under the jurisdiction of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

**BERITA ONLINE BERTARIKH 7 OGOS 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Aug	Harga ayam stabil sejak subsidi ditamatkan - Fuziah	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1248956/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan-fuziah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1248956/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan-fuziah</a>	HARIAN METRO
7-Aug	Harga ayam stabil sejak subsidi ditamatkan - Fuziah	<a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2453557">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2453557</a>	BERNAMA
7-Aug	Harga ayam stabil sejak subsidi ditamatkan - Fuziah	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan-fuziah-532923">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan-fuziah-532923</a>	ASTRO AWANI
7-Aug	Harga ayam stabil sejak subsidi ditamatkan – Fuziah	<a href="https://utusansarawak.com.my/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan-fuziah/">https://utusansarawak.com.my/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan-fuziah/</a>	UTUSAN SARAWAK
7-Aug	Harga ayam stabil selepas penamatan subsidi	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/harga-ayam-stabil-selepas-penamatan-subsidi">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/harga-ayam-stabil-selepas-penamatan-subsidi</a>	RTM
7-Aug	KPDN guna data harian pantau harga ayam, telur	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-guna-data-harian-pantau-harga-ayam-telur/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-guna-data-harian-pantau-harga-ayam-telur/</a>	TV3
7-Aug	Harga ayam stabil selepas penamatan subsidi	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/harga-ayam-stabil-selepas-tamat-subsidi-kpdn-HB14623422">https://thesun.my/cerita/berita/harga-ayam-stabil-selepas-tamat-subsidi-kpdn-HB14623422</a>	THE SUN
7-Aug	Chicken prices stable after subsidy ends - KPDN	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/chicken-prices-stable-after-subsidy-ends-kpdn-NB14623439">https://thesun.my/malaysia-news/chicken-prices-stable-after-subsidy-ends-kpdn-NB14623439</a>	THE SUN
7-Aug	Harga ayam stabil sejak subsidi ditamatkan: Fuziah	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/06/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan-fuziah">https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/06/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan-fuziah</a>	UTUSAN BORNEO
7-Aug	Penamatan subsidi tamatkan kartel ayam – Fuziah	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/08/06/penamatan-subsidi-tamatkan-kartel-ayam-fuziah/">https://malaysiagazette.com/2025/08/06/penamatan-subsidi-tamatkan-kartel-ayam-fuziah/</a>	MALAYSIA GAZETTE

7-Aug	Kartel ayam berjaya dibantersas selepas subsidi ditamatkan	<a href="https://themalaysiapress.com/kartel-ayam-berjaya-dibanteras-selepas-subsidi-ditamatkan/">https://themalaysiapress.com/kartel-ayam-berjaya-dibanteras-selepas-subsidi-ditamatkan/</a>	THE MALAYSIAPRESS
7-Aug	Penarikan subsidi ayam bantu hapus kartel, harga kini stabil – Fuziah Salleh	<a href="https://www.mediatelus.com//detail/10152">https://www.mediatelus.com//detail/10152</a>	MEDIA TELUS
7-Aug	Penamatan subsidi tamatkan kartel ayam – Fuziah	<a href="https://mgperak.com/penamatan-subsidi-tamatkan-kartel-ayam-fuziah/">https://mgperak.com/penamatan-subsidi-tamatkan-kartel-ayam-fuziah/</a>	MGPERAK
7-Aug	Harga Ayam Kini Stabil Selepas Subsidi Ayam Ditarik, Tamatkan Kartel	<a href="https://therakyatinsight.com/harga-ayam-kini-stabil-selepas-subsidi-ayam-ditarik-tamatkan-kartel/">https://therakyatinsight.com/harga-ayam-kini-stabil-selepas-subsidi-ayam-ditarik-tamatkan-kartel/</a>	THERAKYATINSIGHT
7-Aug	Sindiket 'decanting' terbongkar, 1,899 tong gas LPG subsidi disita	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/742124/berita/semasa/sindiket-decanting-terbongkar-1899-tong-gas-lpg-subsidi-disita">https://www.sinarharian.com.my/article/742124/berita/semasa/sindiket-decanting-terbongkar-1899-tong-gas-lpg-subsidi-disita</a>	SINAR HARIAN
7-Aug	Taktik licik sindiket salah guna tong LPG dibongkar	<a href="https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/taktik-licik-sindiket-salah-guna-tong-lpg-dibongkar-x9o8rgq">https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/taktik-licik-sindiket-salah-guna-tong-lpg-dibongkar-x9o8rgq</a>	ASTRO AWANI
7-Aug	KPDN bongkar kegiatan pindah LPG haram di Batu Gajah	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-bongkar-kegiatan-pindah-lpg-haram-di-batu-gajah-PB14623480">https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-bongkar-kegiatan-pindah-lpg-haram-di-batu-gajah-PB14623480</a>	THE SUN
7-Aug	KPDN serbu stor haram seleweng LPG di Batu Gajah	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/kpdn-serbu-stor-haram-seleweng-lpg-di-batu-gajah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/kpdn-serbu-stor-haram-seleweng-lpg-di-batu-gajah/</a>	UTUSAN
7-Aug	1,899 tong gas LPG 14 kilogram dirampas, disyaki terlibat aktiviti penyelewengan subsidi	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/1,899-tong-gas-lpg-14-kilogram-dirampas,-disyaki-terlibat-aktiviti-penyelewengan-subsidi">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/1,899-tong-gas-lpg-14-kilogram-dirampas,-disyaki-terlibat-aktiviti-penyelewengan-subsidi</a>	RTM

7-Aug	KPDN bongkar kegiatan pindah LPG haram di Batu Gajah	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2453563">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2453563</a>	BERNAMA
7-Aug	KPDN Seizes 1,899 LPG Cylinders In Batu Gajah	<a href="https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2453564">https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2453564</a>	BERNAMA
7-Aug	Perak KPDN busts LPG syndicate, six detained	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1256213/perak-kpdn-busts-lpg-syndicate-six-detained">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1256213/perak-kpdn-busts-lpg-syndicate-six-detained</a>	NST
7-Aug	Aktiviti 'decanting': KPDN Perak rampas hampir 2,000 tong gas LPG	<a href="https://mgperak.com/aktiviti-decanting-kpdn-perak-rampas-hampir-2000-tong-gas-lpg/">https://mgperak.com/aktiviti-decanting-kpdn-perak-rampas-hampir-2000-tong-gas-lpg/</a>	MGPERAK
7-Aug	Cracking down on LPG misuse	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/06/cracking-down-on-lpg-misuse">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/06/cracking-down-on-lpg-misuse</a>	THE STAR
7-Aug	Ops Gasak: KPDN Perak tumpas operasi pindah gas LPG haram	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/ops-gasak-kpdn-perak-tumpas-operasi-pindah-gas-lpg-haram/">https://www.buletintv3.my/nasional/ops-gasak-kpdn-perak-tumpas-operasi-pindah-gas-lpg-haram/</a>	TV3
7-Aug	Op Gasak: KPDN Perak sita 1,899 tong gas bersubsidi	<a href="https://suarakini.com.my/op-gasak-kpdn-perak-sita-1899-tong-gas-bersubsidi/">https://suarakini.com.my/op-gasak-kpdn-perak-sita-1899-tong-gas-bersubsidi/</a>	SUARA KINI
7-Aug	Perak KPDN busts LPG syndicate, six detained	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1256213/perak-kpdn-busts-lpg-syndicate-six-detained">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1256213/perak-kpdn-busts-lpg-syndicate-six-detained</a>	NST
7-Aug	Jual minyak masak 'alam ghaib'	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/08/1249002/jual-minyak-masak-alam-">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/08/1249002/jual-minyak-masak-alam-</a>	HARIAN METRO
7-Aug	Cracking down on LPG misuse	<a href="https://malaysiacorner.com/story/cracking-down-on-lpg-misuse/r94737781">https://malaysiacorner.com/story/cracking-down-on-lpg-misuse/r94737781</a>	MALAYSIA CORNER

7-Aug	Cheapskate driver's fuel folly at Johor gas station goes viral	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/06/cheapskate-drivers-fuel-folly-at-johor-gas-station-">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/06/cheapskate-drivers-fuel-folly-at-johor-gas-station-</a>	THE STAR
7-Aug	Keberkesanan subsidi dan kawalan harga minyak masak diteliti – PAC	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/keberkesanan-subsidi-dan-kawalan-harga-minyak-masak-diteliti-pac/">https://www.buletintv3.my/nasional/keberkesanan-subsidi-dan-kawalan-harga-minyak-masak-diteliti-pac/</a>	TV3
7-Aug	PAC panggil MEOMA isu keberkesanan pengurusan subsidi, mekanisme kawalan harga minyak masak	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1429663/pac-panggil-meoma-isu-keberkesanan-pengurusan-">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1429663/pac-panggil-meoma-isu-keberkesanan-pengurusan-</a>	BERITA HARIAN
7-Aug	PAC teliti keberkesanan pengurusan kawalan harga, subsidi minyak masak	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pac-teliti-keberkesanan-pengurusan-kawalan-harga-subsidi-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pac-teliti-keberkesanan-pengurusan-kawalan-harga-subsidi-</a>	ASTRO AWANI
7-Aug	PAC panggil tiga saksi berhubung kawalan harga, subsidi minyak masak	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/pac-panggil-tiga-saksi-berhubung-kawalan-harga-">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/pac-panggil-tiga-saksi-berhubung-kawalan-harga-</a>	UTUSAN
7-Aug	PAC teliti keberkesanan subsidi, kawalan harga minyak masak	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/742224/berita/nasional/pac-teliti-keberkesanan-subsidi-kawalan-harga-minyak-">https://www.sinarharian.com.my/article/742224/berita/nasional/pac-teliti-keberkesanan-subsidi-kawalan-harga-minyak-</a>	SINAR HARIAN
7-Aug	Dewan Rakyat: PAC siasat subsidi minyak masak, fokus ketelusan	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/08/06/dewan-rakyat-pac-siasat-subsidi-minyak-">https://www.tvsarawak.my/2025/08/06/dewan-rakyat-pac-siasat-subsidi-minyak-</a>	TVS
7-Aug	PAC To Scrutinise Cooking Oil Subsidy, Price Control Management - Mas Ermieyati	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2453797">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2453797</a>	BERNAMA
7-Aug	PAC probes cooking oil subsidy and price control management in Malaysia	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/pac-probes-cooking-oil-subsidy-and-price-control-management-in-malaysia-EB14627829">https://thesun.my/malaysia-news/pac-probes-cooking-oil-subsidy-and-price-control-management-in-malaysia-EB14627829</a>	THE SUN

7-Aug	PAC to call in industry players over subsidy leakages in cooking oil sector	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1256373/pac-call-industry-players-over-subsidy-leakages-cooking-oil-sector#google_vignette">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1256373/pac-call-industry-players-over-subsidy-leakages-cooking-oil-sector#google_vignette</a>	NST
7-Aug	公账会：传召内贸部秘书长等4人 食油补贴管控听证启动	<a href="https://www.sinchew.com.my/news/20250806/nation/6759531">https://www.sinchew.com.my/news/20250806/nation/6759531</a>	SINCHEW
7-Aug	Harga ayam stabil sejak subsidi ditamatkan - Fuziah	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/751390">https://www.malaysiakini.com/news/751390</a>	MALAYSIA KINI
7-Aug	Harga ayam stabil sejak subsidi ditamatkan - Fuziah	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/742205/berita/nasional/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan---">https://www.sinarharian.com.my/article/742205/berita/nasional/harga-ayam-stabil-sejak-subsidi-ditamatkan---</a>	SINAR HARIAN
7-Aug	傅芝雅:打击饲料垄断奏效 肉鸡与鸡蛋价格趋稳	<a href="https://www.enanyang.my/news/20250806/Finance/951880">https://www.enanyang.my/news/20250806/Finance/951880</a>	ENANYANG
7-Aug	Itemised billing mandatory for all consultation and medical charges, says govt	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/06/new-rules-mandate-price-transparency-in-private-clinics-and-pharmacies">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/06/new-rules-mandate-price-transparency-in-private-clinics-and-pharmacies</a>	THE STAR
7-Aug	Wanita ditahan tipu jualan minyak masak bersubsidi	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/06/wanita-ditahan-tipu-jualan-minyak-masak-bersubsidi">https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/06/wanita-ditahan-tipu-jualan-minyak-masak-bersubsidi</a>	UTUSAN BORNEO
7-Aug	Woman held for cooking oil scam in Lahad Datu	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/264000/woman-held-for-cooking-oil-scam-in-lahad-datu/">https://www.dailyexpress.com.my/news/264000/woman-held-for-cooking-oil-scam-in-lahad-datu/</a>	DAILY EXPRESS